

22 FEB 2001

Pas-perpaduan

FADZIL SAMBUT BAIK KENYATAAN DR MAHATHIR

KOTA BAHARU, 22 Feb (Bernama) -- Presiden Pas Datuk Fadzil Noor menyambut baik kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Umno sedang mengkaji syarat-syarat yang diberikan oleh Pas berhubung pertemuan kedua-dua parti bagi membincangkan perpaduan orang Melayu.

Beliau berkata berikutan kenyataan Perdana Menteri dan Presiden Umno itu, maka wajar Jawatankuasa Teknikal Pas dan Umno berbincang segera berhubung syarat-syarat itu dan menyelesaikannya di peringkat jawatankuasa berkenaan.

"Dia (Umno) ajak kita, maka kita boleh bagi syarat, kita pun bukan kata syarat tetapi sebagai satu permintaan untuk dia (Umno) pertimbangkan," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri dilaporkan berkata Umno sedang mengkaji syarat-syarat yang diberikan oleh Pas berhubung pertemuan yang dicadangkan itu.

Ahad lepas, Pas membuat keputusan menangguhkan pertemuannya dengan Umno yang dijadualkan pada 19 Feb lepas bagi membincangkan soal penyatuan Melayu sehinggalah permintaan dan syarat-syaratnya dipenuhi oleh kerajaan.

Pas dalam tuntutan mahu penerbitan Harakah dikembalikan dua kali seminggu, bayaran royalti minyak kepada kerajaan Terengganu dipulangkan dan mahukan cadangan Umno untuk menggugurkan perkataan Islam pada parti itu di tolak.

Setiausaha Agung Pas, Nasharudin Mat Isa pula berkata Jawatankuasa Teknikal Pas sedang menunggu jemputan daripada Umno untuk perbincangan seterusnya.

"Setakat ini tidak ada respons sedikitpun daripada Umno, jadi kita tak ada apa-apalah," katanya.

Nasharudin yang mengetuai jawatankuasa itu, berkata semua isu yang berbangkit perlu diselesaikan di peringkat jawatankuasa teknikal sebelum pertemuan membincangkan penyatuan orang Melayu boleh diadakan.

--BERNAMA

BD RAR MAI